

**PENGAJIAN ILMU FARAID DI MALAYSIA: KAJIAN
PENAWARAN KURSUS DI INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI TERPILIH**

*Jasni bin Sulong & Zawawi bin Ismail

ABSTRACT

'Ilm al-Faraid is an important discipline in Islam. It is the knowledge about transferring property ownership after the death of the proprietor. Islam has underlined clear rules and rights for the deceased's heirs in obtaining a just and equitable inheritance. The importance of this knowledge was echoed by the shariah that *'ilm al-faraid* constitute half of the whole knowledge and it would be the early knowledge that will be taken from man. The deficiency of the *'ilm* will cause conflicts among family members as they do not know the discipline and have taken away the rights of others ignorantly. The conflicts are not just between siblings, but also involve between children and their mothers. Therefore, to inquire the *'ilm* is very significant. Thus, the study will examine the extent to which this knowledge is offered in the formal education in Malaysia. The study will also review the form of the *'ilm al-faraid* offers either in the form of exclusively or in combination with other disciplines, as well as about duration of credit hours. The study was conducted in the mode of library research by examining documents and program outlines that involved of this *'ilm*. The data is also collected through several websites that offer the *faraid* course. The analysis was done by content analysis based on the course offer structure which includes course content, number of face-to-face hours (SLT) and so on. The Study found that *'ilm al-faraid* has been offered as a core course for those taking Shariah studies and some institutions have made it as an elective course for other program.

Keywords: *'Ilm al-faraid, education, mirath, shariah, inheritance.*

[1]

Pusat Pengajian Ilmu kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang
jasni@usm.my

[2]

Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur

PENDAHULUAN

Ilmu faraid atau ilmu pembahagian harta pusaka adalah ilmu yang penting bagi setiap orang Islam. Ini kerana setiap individu akan menjadi waris yang akan mewarisi harta peninggalan daripada orang tua masing-masing. Mereka juga boleh dilantik menjadi pentadbir atau wasi bagi menguruskan harta pusaka ibu bapa atau adik-beradik yang meninggal dunia terlebih dahulu. Justeru, seseorang itu mestilah mengetahui hukum-hakam faraid seperti waris yang berhak mewarisi, kadar yang mereka berhak dan tatacara dalam melakukan pindah milik harta.

Secara umumnya, pengajian rasmi mengenai ilmu faraid ditawarkan bagi pelajar yang mengikuti aliran pengajian Islam. Lebih spesifik, ia lebih terserlah di institusi yang mempunyai aliran pengajian Syariah. Tanpa mengira di peringkat sijil, diploma atau ijazah sarjana muda. Manakala bagi pengajian secara tidak rasmi, pengajian ilmu faraid turut diajar di surau atau masjid secara kuliah mingguan atau bulanan semasa sesi kuliah maghrib atau subuh. Bagaimanapun pengajian faraid di masjid dan surau ini tidaklah banyak dalam penjadualan bulanan. Ini menjadikan pendidikan ilmu faraid ke atas masyarakat adalah secara terpilih dan melibatkan kelompok tertentu. Sekiranya orang Islam di negara ini tidak mempunyai kaitan dengan kelompok di atas, maka tentu sekali ia tidak akan memiliki ilmu faraid ini dalam bentuk yang baik dan teratur.

ILMU FARAID

Ilmu faraid berasal daripada dua perkataan iaitu ilmu dan faraid. Ilmu bermaksud sains dan pengetahuan yang membawa kepada penguasaan satu kefahaman pada teori, konsep dan aplikasi.

Manakala perkataan *faraid* adalah merupakan ayat jamak dari perkataan *faridah* yang berasal daripada perkataan *al-fardu* yang bermaksud ukuran atau bahagian. Ini kerana dalam disiplin ilmu faraid, bahagian setiap waris itu ditetapkan oleh syarak. Bahagian ini dijelaskan dalam riwayat Muslim dengan istilah “نصيباً مفروضاً” (bahagian yang telah ditetapkan) (Nawawi, 2011: 130). Oleh kerana inilah, ilmu faraid yang berasal daripada kalimah *fardu* ini memberi dua makna, iaitu pertamanya kewajipan yang mesti dilakukan. Manakala makna kedua ialah bahagian-bahagian yang wajib ke atas seseorang yang ia layak ke atasnya. Bahagian ini disebut juga sebagai potongan (*al-qat'u*) iaitu potongan yang menjadi hak seseorang daripada harta pusaka yang ditinggalkan (Jasni dan Zahari, 2019; Jasni Sulong, 2011).

Ilmu faraid ialah ilmu penting yang bukan sahaja dimaklumi oleh semua umat Islam dewasa ini, malah ia juga telah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w menerusi sabda baginda yang berbunyi (Darimi, t.t.):

تعلموا الفرائض وعلموها، فإنه نصف العلم، وهو ينسى، وهو أول شيء ينزع من أمتي

Maksudnya: “Pelajarilah oleh kalian ilmu Faraid dan ajarkanlah ia, kerana sesungguhnya ilmu faraid itu separuh ilmu, dan ia akan dilupakan, dan ia adalah ilmu yang mula-mula akan dicabut dari umatku”

Berdasarkan hadith, Rasulullah s.a.w menggesa umat Islam mempelajari ilmu ini dan mendidik masyarakat dengannya. Penegasan supaya “belajar dan mengajar” dengan ilmu ini perlu dipatuhi sebaiknya dalam kalangan umat Islam. Ia bukan lagi ilmu yang diperolehi melalui secara ada peluang (*by chance*) tetapi dengan melakukan perancangan (*by plan*) untuk mendalami dan memahaminya.

Penguasaan ilmu faraid dinyatakan sebagai separuh daripada ilmu. Maksud separuh ilmu ini ada dua pertimbangan:

- i. Separuh daripada ilmu yang ada di dunia. Ini kerana dalam ilmu faraid ada ilmu hisab (*mathematic*), ada ilmu keturunan (*genealogi*), ilmu pengurusan (*management*) dan perancangan (*planning*). Dalam ilmu-ilmu ini, seseorang yang memahaminya mengetahui kaedah penyelesaian masalah (*problem solving*) dengan baik. Ibn Solah mengulasnya begini kerana ilmu ini telah menguji seseorang dengan pengetahuan sedemikian ketika ingin menyelesaikan sesuatu pembahagian harta pusaka (Muhammad Shaleh Abdul Aziz, t.t.: 7).
- ii. Separuh daripada ilmu mengenai pindah milik harta di samping ilmu wasiat, hibah dan wakaf.

- iii. Separuh ini juga merujuk kepada pecahan bahagian daripada bahagian faraid. Ini kerana bahagian setiap waris dijelaskan secara kadar yang tertentu dan jelas.

Para fuqaha mengulas penggunaan “separuh ilmu” ini sebagai penggalak dan penggesa supaya mempelajari ilmu ini dan mengajarkannya. Oleh kerana itulah ilmu ini perlu dikuasai dan difahami supaya ia tidak dilupakan yang menyebabkan sesebuah keluarga boleh berpecah-belah. Manakala dalam riwayat Darimi yang lain, keutamaan mempelajari ilmu faraid disamakan seperti mempelajari al-Qur’an (Darimi, t.t.: 341).¹ Justeru, keutamaan ilmu faraid adalah jelas dan tidak dapat dipertikaikan lagi.

Manakala ilmu-ilmu lain hanya disebut sebagai tambahan (وما سوى ذلك فضل) kerana tanpa memahami ilmu yang lain, ia tiada masalah dalam keluarga. Misalnya ilmu perubatan, sekiranya tiada dimiliki oleh seseorang dalam keluarga masih tiada masalah kerana boleh didapati perkhidmatannya melalui luaran. Ini berlainan dalam ilmu faraid, yang perlu diketahui oleh setiap anggota keluarga. Sebuah keluarga mengandungi komposisi waris yang berbeza, hubungan silaturrahim, nilai dan bentuk harta yang tidak sama. Rahsia dan kehormatan keluarga boleh terdedah kepada orang lain sekiranya isu dalam pembahagian harta pusaka keluarga dan konflik dalamannya terdedah kepada awam (Jasni Sulong, 2011).

Pernyataan bahawa ilmu faraid adalah ilmu yang awal akan diangkat (أول ما ينزع) menunjukkan ancaman dan peringatan kepada umat Islam untuk menguasainya. Sikap membiarkan ilmu ini hanya diketahui oleh sekelompok ilmuan sahaja adalah merupakan salah, dan telah ditegas awal-awal lagi oleh Rasulullah s.a.w (Jasni dan Zahari, 2019). Melalui ilmu ini, seseorang akan memaklumi bahawa harta peninggalan si mati hanya berpindah selepas kematian pemilik harta. Syariat telah memperincikan waris yang berhak dan kadar masing-masing berdasarkan hubungan kerabat dan perkahwinan (Jasni Sulong, 2011; Mushaddad et. al., 2017).

PENGAJIAN FARAID DI MALAYSIA

Dalam kurikulum pendidikan rasmi, pengajian faraid hanya mula ditawarkan untuk peringkat menengah atas iaitu bagi peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan selepasnya untuk peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda. Ia tidak disenaraikan di peringkat menengah rendah sama ada di peringkat Penilaian Tingkatan 3 (PT3) ataupun Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini kerana kursus faraid adalah kursus yang melibatkan gabungan beberapa ilmu seperti kekeluargaan dan pengiraan yang tinggi dan berat. Bagaimanapun untuk peringkat pengajian tak rasmi, ia banyak ditawarkan sama ada di surau atau masjid, dan juga di seminar atau kursus-kursus peringkat kampung, jabatan, daerah atau negeri. perbincangan secara lanjut satu-persatu adalah sebagaimana berikut:

Pengajian Faraid Peringkat Sijil

Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) hanya menyenaraikan kursus faraid dalam mata pelajaran Syariah (930), iaitu pada Kertas 1 Pengajian Fiqh. Topik mengenai faraid dinamakan *mirath* disamping tajuk *munakahat*, *muamalat* dan *jinayat*. Bagaimana berdasarkan pecahan, topik faraid adalah yang paling kecil dibincangkan sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 1

Pecahan Tajuk Fiqh Kertas Syariah STPM

Skop Fiqh	Bilangan Tajuk	Waktu
Muamalat	8	50
Munakahat	4	26
Mirath	3	16
Jenayah	4	28
JUMLAH	19	120

¹ Umar bin Khaṭṭab berkata; Pelajarilah faraid, bahasa (Arab) dan sunnah sebagaimana kalian mempelajari Al Qur’an.

Berdasarkan tiga tajuk mengenai *mirath*, pelajar hanya mempelajari konsep *mirath*, liabiliti dalam harta pusaka, waris dan persoalan semasa tentang pentadbiran harta pusaka. Pemberatannya ilmu faraid yang diajar hanyalah 15.7 peratus daripada keseluruhan kursus. Manakala tajuk hibah dan wasiat turut dibincangkan tetapi dimasukkan di bawah skop muamalat.

Kursus faraid lebih detil disenaraikan dalam kursus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), iaitu di bawah mata pelajaran *Fiqh* (S102). Ilmu faraid melengkapinya 50 peratus daripada jumlah kursus kerana kursus ini hanya dipecahkan kepada dua iaitu *fiqh* dan *faraid*. Semua kursus STAM diajar dalam Bahasa Arab termasuk kursus *fiqh* dan *faraid* ini, sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir. Sukatan ilmu faraid pada peringkat ini adalah di peringkat asas sahaja dengan pelajar diajar mengenai perkara asas seperti hak berkaitan harta peninggalan, sebab, syarat dan halangan pusaka, kadar faraid, penerima *fardu* dan *asabah*, *hijab aul* dan *rad*, serta *asal masalah* dan *tashih al-masa'il*. Bagaimanapun, ia juga diambil kira bagi kemasukan ke program berasaskan pengajian Islam di universiti-universiti dalam negara. Amalannya, peperiksaan ini diambil selepas pelajar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Malaysia (SPM) atau semasa di Tingkatan Enam. Pensijilan di bawah STAM ini diuruskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia sekitar tahun 2000 bagi menggantikan beberapa peperiksaan persendirian yang telah wujud sebelum itu, misalnya Sijil Tinggi Kolej (STK) dan Sijil Tinggi Uagama (STU). Kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Universiti al-Azhar ini dilakukan bagi tujuan penyelarasan mata pelajaran dan sukatan kurikulum yang diajar supaya setiap pelajar yang mengikutinya memiliki tahap pengetahuan dan keupayaan yang sama.

Peringkat matrikulasi bagi program pengajian Islam sebelum ini juga mengandungi kursus faraid seperti subjek *Syariah* (IP404) di Pra-Akademi Islam, Universiti Malaya (UM), Nilampuri Kelantan. Namun, ia dimansuhkan selepas itu kerana kursus tersebut dibawa ke peringkat ijazah Sarjana Muda. Kursus ini juga tiada dalam program Tamhidi Syariah dan Undang-undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pengajian Faraid Peringkat Diploma

Bagi peringkat pengajian diploma, kursus ilmu faraid kebiasaannya menjadi kursus teras bagi dua program diploma iaitu Diploma Pengajian Islam (DPI) dan Diploma Pengajian Syariah (DPS). Misalnya di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), kursus *al-Faraid* (SYD 10503) adalah merupakan kursus teras bagi dua program diploma iaitu, Diploma Pengajian Islam (Syariah) dan Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam). Ia ditawarkan pada Semester ketiga daripada enam semester pengajian dengan nilai 3 kredit.

Di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), kursus ini dinamakan *al-faraid* (KDS 2350) dan ditawarkan sebagai kursus teras untuk program Diploma al-Syariah. Ia ditawarkan pada semester enam daripada enam semester. Bagi program Diploma Pengajian Islam, KIAS turut menawarkan kursus ini tetapi dengan nama *Fiqh Mawarith* (KIAS 2790) dan kedua-duanya kursus ini bernilai 2 kredit. Ia ditawarkan pada semester ketiga daripada lima semester. Manakala di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), program Diploma Pengajian Islamnya tidak menawarkan kursus ilmu faraid, tetapi hanya ditawarkan bagi program Diploma Syariah Islamiyyah. Kursus ini ditawarkan pada semester keempat (akhir) dengan nama *Fiqh Al-Mirath* (SYI 4103), bernilai 3 kredit dan merupakan kursus teras (major). Dapatan ini menunjukkan, struktur program Diploma Pengajian Islam tidak semestinya menawarkan kursus faraid berbanding Diploma Pengajian Syariah yang rata-rata mempunyainya.

Kajian mendapati terdapat dua pola kursus ini ditawarkan iaitu sama ada ia ditawarkan secara komprehensif dengan memberikan fokus kepada ilmu faraid sepenuhnya, sebagaimana kursus-kursus di atas. Manakala ada institusi yang menawarkannya secara gandingan dengan ilmu pindah milik harta yang lain seperti praktis di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), kursus faraid ditawarkan secara gandingan dengan wakaf. Kursus ini adalah untuk program Diploma Pengajian Islam (Syariah) dan juga Diploma Syariah dan Perundangan Islam dengan nama *Fiqh Mirath wa Waqf* (SDSY 3083) yang menyumbang nilai 3 kredit.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ada menawarkan kursus Pentadbiran Harta di Mahkamah Syariah (PPPK 5223) di bawah program Diploma Pascasiswazah Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam. Kursus ini mengandungi perbincangan tentang pentadbiran harta pusaka, harta sepencarian, wasiat, wakaf, hibah, harta khairat dan peranan baitulmal dalam konteks pembangunan dan pengagihan harta orang Islam. Umumnya,

kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai undang-undang dan pentadbiran harta orang-orang Islam yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini termasuk peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Enakmen dan Akta yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal agama Islam seperti. Di samping itu, kursus ini akan mengkaji undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran harta seperti Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Pengajian Faraid Peringkat Ijazah Sarjana Muda

Di peringkat Ijazah Sarjana Muda, kursus faraid adalah subjek yang merupakan kemestian khususnya bagi pelajar yang memilih aliran Syariah. Kursus ini didapati telah ditawarkan oleh semua IPT yang menawarkan program pengajian Islam dan juga Syariah. Kajian mendapati ia ditawarkan di Universiti Malaya, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Sultan Azlan Shah, Universiti Selangor dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Pola kurikulum penawaran yang sama dibentuk di peringkat Sarjana Muda, iaitu sama ada berbentuk ilmu faraid sepenuhnya atau dalam gandingan dengan ilmu pindah milik harta yang lain.

Bagi program Sarjana Muda Syariah di Akademi Pengajian Islam UM, kursus *Fiqh al-Mawarith wa al-Wasaya* (IIP 3006) ditawarkan 3 kredit sebagai kursus teras program Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan usul). Kursus ini ditawarkan pada semester ketujuh (akhir). Terdapat kursus pindah milik harta lain ditawarkan sebagai kursus elektif fakulti yang mengumpul 12 kredit iaitu *Fiqh al-Waqf wa al-Hibah* (IIX 3001) yang bernilai 3 kredit untuk semua pelajar Sarjana Muda Syariah, tetapi tiada kursus faraid dijadikan kursus elektif fakulti. Kursus ditawarkan pada semester kelima daripada tujuh semester pengajian. Di jabatan Syariah dan Pengurusan, terdapat kursus *Pengurusan Harta Secara Islam* (IIE 3004) yang turut mempelajari faraid, wasiat, wakaf, zakat, luqatah, cukai, harta intelek dan undang-undang pentadbiran harta orang Islam di Malaysia. Ia adalah kursus teras program, bernilai 3 kredit dan ditawarkan pada semester keenam daripada lapan semester. Sementara di Jabatan Syariah dan Undang-undang, kursus teras jabatan ialah *Undang-undang Pusaka, Wasiat dan Hibah* (IIM 2003) ditawarkan pada semester ketiga dengan 3 kredit.

Di UKM, pelajar yang mengikuti Program Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Syariah) mempunyai tiga modul untuk dipilih iaitu sama ada Modul Perundangan Islam, Modul Muamalat dan Kewangan Islam atau Modul Undang-undang Perbandingan. Bagi pelajar Modul Perundangan Islam, ilmu faraid adalah menjadi kursus teras jabatan iaitu *Fiqh al-Mawarith* (PPPG 3123) yang menyumbang 3 kredit. Manakala bagi pelajar Modul lain daripada aliran Syariah ini, pelajar mempunyai pilihan untuk mengambil kursus mengenai ilmu faraid ini sama ada kursus *Fiqh al-Mawarith* (PPPG 3123) atau kursus *Undang-undang Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf* (PPPG 3163) yang juga bernilai 3 kredit. Kursus PPPG 3163 juga ditawarkan sebagai kursus elektif bagi pelajar Modul Perundangan Islam. Kursus PPPG 3123 ditawarkan pada tahun ketiga semester satu, manakala Kursus PPPG 3163 ditawarkan pada tahun ketiga semester dua.

Kursus PPPG 3123 didapati membincangkan ilmu faraid secara lebih komprehensif iaitu membincangkan konsep *fara'id* atau *mirath*, sumber syarak, rukun, syarat, sebab dan halangan pusaka, jenis-jenis waris dan kadar, dindingan (*al-hajb*), *al-awl*, *al-radd*, *al-munasakhah* dan *al-takharruj*. Kandungan kursus turut membincangkan mengenai kaedah pengiraan harta pusaka di samping kes-kes pengecualian dalam pusaka, pusaka golongan tertentu seperti orang yang hilang, *khuntha*, janin dan seumpamanya. Manakala kursus PPPG 3163 lebih memfokus kepada pentadbiran undang-undang harta pusaka Islam yang dilaksanakan di negara ini, di samping undang-undang berkaitan wasiat dan wakaf. Secara lebih spesifik, kursus ini membincangkan undang-undang berdasarkan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan), Enakmen Wakaf (Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan) dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri.

Di samping Fakulti Pengajian Islam (FPI), Pusat Citra UKM turut menawarkan kursus ilmu faraid dalam senarai kursus universiti di mana kursus ini boleh dipilih untuk melengkapkan 30-40 kredit bagi keperluan pengijazahan peringkat sarjana muda. Dalam senarai kursus citra universiti, Pusat Islam UKM ada menawarkan kursus iaitu

Kalkulator Faraid (LMCA 1432) yang bernilai 2 kredit. Sementara Pusat Citra UKM sendiri ada menawarkan kursus *Kemahiran Pengurusan Harta* (LMCR 2432). Kursus LMCA 1432 lebih fokus kepada ilmu faraid yang mengkaji konsep, bentuk, hak, jenis waris, kadar dan pengiraan pusaka, berbanding LMCR 2432 yang memfokus kepada bentuk-bentuk pengurusan harta dengan keadaan kaedah faraid adalah sebahagian daripada bentuk yang dikaji. Kedua-dua kursus ini berada di bawah Citra 4, iaitu mengenai Kepimpinan, keusahawan dan Inovasi yang memerlukan minimum 2 kredit sahaja sebagai syarat pengijazahan. Manakala di bawah Citra 6 - Kekeluargaan, Kesihatan dan Gaya Hidup, FPI ada menawarkan kursus *Wasiat dan Hibah dalam Islam* (PPPG 2952). Penawaran di bawah kursus citra ini membolehkan ramai pelajar bebas untuk mengikuti kursus yang berkaitan dengan ilmu faraid ini sekalipun tidak bermajor dalam bidang Pengajian Islam.

Di USIM, kursus *Fiqh al-Mawarith wa al-Wasiyyah* (LBB 3053) ditawarkan bagi program pengajian Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang yang bernilai 3 kredit. Sementara bagi Program Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman, pelajar akan mengambil kursus *Fiqh al-Mawarith* (LAA3023) sebagai kursus wajib program bernilai 3 kredit dan ditawarkan pada semester kelima daripada enam semester. UnisZA pula menawarkan kursus *Al-Faraid* (SYI 20503) bagi dua jaluran program pengajiannya iaitu bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) sama ada untuk jaluran Fatwa atau Kehakiman. Kursus ini bernilai 3 kredit dan ditawarkan sebagai kursus teras iaitu pada semester keempat daripada lapan semester.

Program Sarjana Muda Pengajian Islam di USAS pula menawarkan ilmu faraid secara gandingan dengan dua ilmu pindah milik harta yang lain, dengan nama kursus *Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Hibah* (PMU 6043). Kursus ini ditawarkan pada Semester ketujuh (semester akhir) secara elektif dengan 3 kredit. Manakala bagi Program Sarjana Muda Syariah Gunaan, kursus ilmu faraid ditawarkan secara lebih khusus dengan nama *Fiqh Al-Mawarith* (SYA 6163) merupakan kursus major dengan 3 kredit dan ditawarkan pada semester kelima daripada enam semester. Ilmu ini turut diajar secara tidak langsung bagi Program Sarjana Muda Kewangan Islam melalui dua kursus iaitu *Islamic Wealth Management* (MIF 6173) dan *Islamic Estate and Baitulmal* (MIF 6183) yang mengandungi ilmu tentang wasiat dan hibah. Kedua-dua kursus ini merupakan kursus teras program, bernilai 3 kredit dan ditawarkan pada semester keenam dan ketujuh masing-masing daripada lapan semester.

Universiti Selangor (unisel) menawarkan kursus *Fiqh Mirath* (ESS 3333) di bawah program Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian) (Syariah). Kursus yang berteraskan ilmu fekah ini ditawarkan di semester ketujuh sebagai kursus teras major dengan nilai 3 kredit. Turut ditawarkan kursus yang berkaitan dengan pengurusan harta iaitu *Pengurusan Harta Orang Islam* (EID 3123) sebagai kursus elektif major dengan nilai 3 kredit. Topik-topik yang terdapat dalam kursus ini adalah pengenalan kepada konsep harta dan pengurusan harta dalam Islam, perbincangan tentang zakat, wasiat, faraid, wakaf, luqatah, pengurusan cukai, harta intelek, selain undang-undang pentadbiran harta orang Islam di Malaysia. Sementara KIAS turut menawarkan kursus teras *al-Mirath* (SFL 3013) kepada pelajar Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian yang bernilai 3 kredit. Kursus ditawarkan pada semester kelima daripada lapan semester. Kursus ini juga ditawarkan secara elektif bebas kepada pelajar Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian.

Manakala di KUIS, kursus *Fiqh al-Mirath* (SBSM 2063) adalah kursus teras major yang ditawarkan oleh Fakulti Syariah dan undang-undang bagi dua program Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Undang-Undang (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Muamalat (Kepujian). Kursus ini ditawarkan pada semester keempat dan kelima masing-masing daripada lapan semester dan bernilai 3 kredit. Manakala kursus *Islamic Wealth Management* (MBFM 3083) ada ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan dan Muamalah bagi Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam (Perbankan) (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam (Pasar Modal) (Kepujian). Kursus ini mengandungi elemen mengenai ilmu faraid selain ilmu pindah milik harta yang lain dan bernilai 3 kredit di bawah kursus teras major. Kursus ini turut ditawarkan bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Industri Halal) (Kepujian) di bawah kategori kursus elektif.

Pengajian Faraid Peringkat Ijazah Sarjana

Di peringkat sarjana, UKM yang menawarkan pengajian secara kerja kursus ada menawarkan kursus faraid bagi program siswazah untuk Ijazah Sarjana Syariah yang dinamakan *Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam* (PPP 6683). Kursus ini membincangkan mengenai konsep dan aplikasi perancangan dan pengurusan harta orang

Islam melalui beberapa instrument iaitu hibah, wasiat, wakaf dan harta sepencarian. Selain aspek perancangan harta, aspek pengurusan harta orang Islam di Malaysia yang melibatkan perundangan juga difokus dengan gabungan pandangan fuqaha dan kepentingan ummah semasa.

Walau bagaimanapun kursus ini berstatus elektif jabatan (EJ), iaitu calon boleh memilih sama ada untuk mengambilnya atau tidak. Sebelum ini, kursus ini dinamakan *Pengurusan Harta Pusaka Islam* (PPP6173) tetapi tidak lagi ditawarkan. Kursus PPP 6683 ini ditawarkan pada kedua-dua semester dan pelajar boleh memilih sebagai kursus elektif, sama ada mengambilnya pada semester pertama atau kedua.

Pengajian Faraid Peringkat Awam

Banyak kursus faraid untuk peringkat awam turut diperkenalkan, sama ada berbentuk kursus yang dilakukan secara intensif, atau separa intensif. Kewujudan penawaran ini kepada masyarakat awam menunjukkan keprihatinan sebahagian anggota masyarakat tentang keutamaan ilmu faraid untuk terus diberikan kelangsungannya (*sustainability*). Kursus secara intensif ini biasanya melibatkan kursus sehari penuh atau beberapa hari dengan mendalami semua kandungan kursus yang biasanya dipelajari selama satu semester jika di peringkat pengajian diploma atau ijazah. Biasanya kursus ini berbentuk dalam jabatan (*in house workshop*) atau kursus luar berbayar (*business course*) yang diuruskan oleh pihak-pihak tertentu dengan kumpulan sasar terpilih. Misalnya, kumpulan peguam syarie, hakim syarie, para imam dan sebagainya. Sesi pembelajaran dilakukan secara teori dan aplikasi, melibatkan pelbagai medium pembelajaran seperti projektor OHP (*overhead projector*), papan putih (*white board*) dan papan pameran.

Kursus separa intensif ialah melalui kuliah maghrib atau subuh di surau-surau dan masjid, atau melalui kuliah di radio atau tv yang sambung-menyambung, sama ada berdasarkan kitab faraid tertentu sebagai modul pembacaan atau melalui perbincangan mengikut tajuk-tajuk faraid secara konsisten. Ia separa intensif kerana pelajarannya bebas, percuma dan pembelajarannya pula tidak semestinya akan dapat menghabiskan kandungan pengajian dalam masa tertentu. Kadangkala pengajiannya menjadi sampingan antara kuliah-kuliah yang ada, dan pelajar yang mengikuti pula selalu bertukar, sehingga penguasaan seseorang pelajar ke atas ilmu faraid yang dipelajari tidak sebaik yang mengikuti secara intensif.

Jelasnya, orang awam boleh mengambil faedah daripada banyak kursus umum faraid yang ditawarkan oleh pelbagai pihak dan agensi. Ini secara tidak langsung dalam menambah sumber ilmu dan meningkatkan kefahaman masyarakat kepada ilmu ini. Secara tidak langsung, masyarakat awam tanpa melalui program pengajian yang tersusun akan tetap dalam menghayati dan memahami ilmu ini dengan baik dan seterusnya mengeratkan hubungan antara anggota keluarga dan silaturrahim (Jasni Sulong, 2016). Banyak laman sesawang yang menyediakan maklumat pengajian secara maya.

ANALISIS PENAWARAN KURSUS ILMU FARAID

Berdasarkan keterangan di atas, pengajian ilmu faraid hanya mula ditawarkan di peringkat menengah atas iaitu bermula dengan peringkat STPM dan STAM. Kemudian ia menjadi kursus teras bagi peringkat diploma, sarjana muda dan juga sarjana khususnya bagi pelajar yang mendaftar aliran pengajian Islam dan lebih khusus lagi dalam aliran pengajian Syariah.

Sesuai dengan autonomi setiap Institusi Pengajian Tinggi, kursus faraid ditawarkan dengan pelbagai nama, komposisi dan struktur di institusi yang terlibat. Umumnya, penawaran kursus ini dilakukan pada semester atau di tahun terakhir daripada tempoh pengajian. Ini bagi memastikan pelajar telah mempunyai latar belakang ilmu fekah yang cukup. Kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menawarkannya didapati menggunakan nama *Fiqh al-Mirath* dan *Al-Faraid* dan kebanyakannya ditawarkan secara komprehensif melainkan di KUIS yang ditawar dengan ilmu lain. Manakala di UKM ditawar secara umum. Kesemuanya dengan nilai 3 kredit, kecuali di KIAS yang menawarkan dengan 2 kredit. Struktur pengajian ilmu faraid bagi peringkat diploma di sebahagian Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) yang dikaji boleh diringkaskan penawarannya menerusi jadual di bawah:

Jadual 2

Kursus Faraid di Peringkat Diploma

Institusi	Tahap	Nama kursus	Teras/ Elektif
Universiti Kebangsaan Malaysia	Diploma Pascasiswazah Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam	Pentadbiran Harta di Mahkamah Syariah	T/3
Universiti Sultan Azlan Shah	Diploma Syariah Islamiyyah	<i>Fiqh Al-Mirath</i>	T/3
	Diploma Pengajian Islam	Tiada	-
Universiti Sultan Zainal Abidin	Diploma Pengajian Islam (Syariah) dan	<i>Al-Faraid</i>	T/3
	Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam)		T/3
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra	Diploma al-Syariah	<i>Al-Faraid</i>	T/2
	Diploma Pengajian Islam	<i>Fiqh Mawarith</i>	T/2
Kolej Universiti Islam Selangor	Diploma Pengajian Islam (Syariah)	<i>Fiqh Mirath wa Waqf</i>	T/3
	Diploma Syariah dan Perundangan Islam		

Jadual di atas mendapati tiada kursus faraid ditawarkan pada peringkat diploma/matrikulasi di Universiti Malaya dan Universiti Sains Islam Malaysia. Manakala program Diploma Pengajian Islam di USAS tidak memasukkan kursus faraid sebagai kursus teras berbanding di IPT yang lain.

Manakala struktur kursus faraid di peringkat Ijazah Sarjana Muda didapati lebih banyak ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi, dan berikut ialah maklumat yang boleh diringkaskan berdasarkan kajian yang dilakukan:

Jadual 3

Kursus Faraid di Peringkat Sarjana Muda

Institusi	Tahap	Nama kursus	Teras/ Elektif
Universiti Malaya	Sarjana Muda Syariah	<i>Fiqh al-Mawarith wa al-Wasaya</i>	T/3
		<i>Pengurusan Harta Secara Islam</i>	T/3
		<i>Undang-undang Pusaka, Wasiat dan Hibah</i>	T/3
Universiti Kebangsaan Malaysia	Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah)	<i>Fiqh al-Mawarith</i>	T/3
		<i>Undang-undang Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf</i>	E/3
	Semua Sarjana Muda	<i>Kalkulator Faraid</i>	U/2
Universiti Sains Islam Malaysia	Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang	<i>Fiqh al-Mawarith wa al-Wasiyyah</i>	T/3
	Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman	<i>Fiqh al-Mawarith</i>	T/3
Universiti Sultan Azlan Shah	Sarjana Muda Pengajian Islam	<i>Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Hibah</i>	T/3
	Sarjana Muda Syariah Gunaan	<i>Fiqh Al-Mawarith</i>	T/3
	Sarjana Muda Kewangan Islam	<i>Islamic Wealth Management</i>	T/3
<i>Islamic Estate and Baitulmal</i>		T/3	
Universiti Sultan Zainal Abidin	Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) Jaluran Fatwa	<i>Al-Faraid</i>	T/3

	Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) Jaluran Kehakiman		T/3
Universiti Selangor	Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian) (Syariah)	<i>Fiqh Mirath</i>	T/3
		Pengurusan harta orang Islam	E/3
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra	Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian	<i>al-Mirath</i>	T/3
	Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian		E/3
Kolej Universiti Islam Selangor	Sarjana Muda Syariah dengan Undang-Undang (Kepujian)	<i>Fiqh al-Mirath</i>	T/3
	Sarjana Muda Syariah dengan Muamalat (Kepujian)		T/3
	Sarjana Muda Kewangan Islam (Perbankan) (Kepujian)	<i>Islamic Wealth Management</i>	T/3
	Sarjana Muda Kewangan Islam (Pasar Modal) (Kepujian)		T/3
	Sarjana Muda Pengurusan (Industri Halal) (Kepujian)		E/3

Berdasarkan jadual ini, kita dapat lihat kursus faraid ditawarkan dengan pelbagai nama dan kombinasi oleh lapan buah Institusi Pengajian Tinggi yang berbeza. Rata-rata kursus ini menjadi subjek teras bagi pelajar Sarjana Muda Syariah dengan nilai 3 kredit masing-masing, melainkan yang ditawarkan di bawah kursus universiti di UKM.

Cuma gabungan nama kursus ilmu faraid ini dengan ilmu wasiat, hibah dan wakaf menjadikan kursus yang diajar tidaklah komprehensif sebagaimana yang ditawarkan secara bersendirian. Ini kerana struktur kurikulum terpaksa mengagihkan purata jam tertentu kepada ilmu gandingan tersebut bagi mengenakan 120 jam keseluruhan masa pembelajaran pelajar (*student learning time*) bagi nilai 3 kredit berdasarkan ketetapan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Bagaimanapun UKM, USIM, USAS (Syariah Gunaan), UniSZA, UNISEL, KIAS dan KUIS telah menawarkan kursus ini secara sendiri (komprehensif) bagi program Sarjana Muda Syariah mereka. Data ini juga menunjukkan bahawa kursus faraid adalah kursus utama dalam aspek pindah milik harta dan kerana itu kursus seperti wasiat, hibah dan wakaf mesti digandingkan dengan ilmu faraid, dan ia tidak ditawarkan sendiri sebagaimana kursus faraid.

KAEDAH PENDIDIKAN ILMU FARAIID

Kaedah pendidikan adalah merujuk kepada kaedah pengajaran ketika menyampai sesuatu ilmu. Menurut Rahil Mahyudin et al. (1997), kaedah pengajaran bermaksud tindakan-tindakan yang dilakukan oleh guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut cara dan kaedah yang dirasakan sesuai dengan penerimaan pelajarannya. Sebab itu, sesuatu kaedah yang digunakan dalam pengajaran melibatkan tindak balas antara guru dan murid semasa sesuatu mata pelajaran diajar.

Antara kaedah yang biasa dipraktikkan ialah kaedah pembacaan kitab (*talaqqi*), kaedah simulasi, dan kaedah latih tubi (Jasni Sulong, 2015). Rata-rata kaedah pengajian ilmu faraid yang dilaksanakan di sekolah, kolej mahupun universiti bukan setakat menggunakan kaedah secara teoretikal bacaan kitab (*talaqqi*) semata-mata, malah mempunyai elemen praktis juga. Kajian Asri (2000) mendapati pengajaran tradisional yang hanya tertumpu kepada penjelasan guru secara teori sahaja melalui bacaan kepada kitab tanpa disusuli dengan praktis

kiraan di atas papan putih dan sebagainya, tidak dapat menjadi peneguhan yang baik untuk kefahaman yang berkesan. Sebaliknya pengajaran yang menggunakan alat bantu mengajar dapat mengukuhkan lagi pembelajaran kerana pelajar dapat mengalami apa yang diajar melalui pelbagai wahana dan seterusnya terlibat langsung dalam sesi kiraan seperti dalam menentukan asal masalah dan melakukan pembahagian faraid.

Bagi pengajian yang melibatkan pengiraan seperti ilmu faraid ini, ia sangat perlu melibatkan kaedah latih-tubi seperti melibatkan modul kiraan dan simulasi kes. Kajian Noor Azlan dan Nurdalina (2010) berpendapat dengan adanya bahan bantu mengajar yang lain, ia akan dapat memainkan peranan terbaik bagi memastikan pelajar mudah memahami ilmu termasuklah ketika pembelajaran ilmu faraid. Selain itu, ia dapat menarik minat pelajar kerana sesuatu teori itu dapat dijelaskan dengan lebih baik dan berkesan.

Termasuklah dalam kaedah pendidikan ilmu faraid hari ini, dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan fasiliti multimedia supaya kaedah pengajaran dapat memberi lebih kesan kepada pemahaman pelajar. Misalnya di USIM, Zahari et. al (2017) melaporkan bahawa kaedah pembelajaran ilmu faraid turut melibatkan kaedah dalam talian (*e-learning*) iaitu dengan melakukannya secara bersebuti (*blended*) dengan metod-metod lain seperti kuliah bersemuka, paparan video, chat faraid, glosari, soalan latihan, tugas tutorial, dan nota serta rujukan. Kaedah pembelajaran secara bersebuti (*blended learning*) ini telah dilakukan sehingga melibatkan 30 ke 50 peratus daripada kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di USIM. Jelasnya, inisiatif pendidikan secara *e-learning* dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu faraid pada hari ini merupakan satu pendekatan terbaik bagi membantu peningkatan kefahaman ilmu tersebut yang selalunya disifatkan sebagai sukar (Zahari et. al., 2017).

Bagi golongan yang pernah mempelajari ilmu faraid, terdapat juga inisiatif dalam kalangan penyelidik pengajian Islam yang mencipta alat bantu ke atas pengukuhan ilmu faraid. Ia diyakini dapat menambah penguasaan ilmu faraid yang dimiliki melalui beberapa inovasi. Inovasi terawal ialah ciptaan kalkulator faraid yang mula-mula diteroka di negara ini oleh penyelidik dari Universiti Sains Malaysia yang membangunkan laman sesawang Sistem Maklumat Faraid (SMF).² Kemudian, langkah ini diikuti oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui laman sesawang e-Syariah yang mengandungi e-Faraid. UKM juga ada memperkenalkan program e-Mirath bagi membantu pelajar dan orang awam memahami ilmu faraid. Apa yang diperlukan lagi ialah inisiatif dan semangat untuk menambah kefahaman dalam ilmu ini. Penyelidik USIM juga telah memperkenalkan *apps hisab faraid* dan pada tahun 2018 pula telah melakukan inovasi dengan mencipta permainan berasaskan ilmu ini yang diberi nama *Global Faraid Games* (GFG).

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Perbincangan menunjukkan pendidikan ilmu faraid di negara ini wujud dalam dua dimensi iaitu dimensi formal, melalui pengajian di peringkat sijil, diploma, dan ijazah sarjana muda. Manakala dimensi tak formal, iaitu sama ada melalui pengajian secara intensif melalui bengkel dan seminar berbayar, atau separa intensif melalui pengajian secara kuliah maghrib dan subuh di surau dan masjid di penempatan masing-masing. Kursus ilmu faraid yang ditawarkan didapati berbeza sama ada secara komprehensif yang membincangkan ilmu faraid sahaja, atau ada yang secara gandingan dengan ilmu lain seperti wasiat, hibah dan wakaf. Kajian juga mendapati semua kursus ilmu faraid ini rata-rata ditawarkan dengan 3 kredit bagi kursus sarjana muda dan diploma, cuma ada dua buah institusi sahaja yang menawarkan 2 kredit bagi program diploma dan kursus universiti.

Pemahaman dan penghayatan ke atas pengajian ilmu faraid ini tentu akan berbeza antara yang mengikutinya secara formal dengan tidak formal, kerana tiada elemen pengukuran dan ujian kefahaman yang dilakukan. Bagaimanapun, pendedahan ke atas ilmu ini tidak dinafikan telah wujud dan ditanam di sanubari masyarakat.

Pendekatan terbaik pengajian ilmu faraid hendaklah mengandungi elemen teoretikal dan aplikasi. Ini kerana ia melibatkan ilmu praktis yang melibatkan kiraan, simulasi ke atas kes-kes yang telah berlaku dan akan berlaku, serta latihan pengukuhan. Justeru, kursus yang ditawarkan secara komprehensif dan melibatkan 3 kredit dipercayai lebih memberi kesan dan kefahaman kepada pelajar berbanding kursus yang lain, terutama yang mengkaji daripada sudut pentadbiran undang-undang sahaja. Oleh itu, pendedahan ini menunjukkan kursus

² <http://faraid.usm.my/msl/default.html>

faraid perlu lebih diperluaskan sebagai kursus elektif atau kursus universiti supaya ia tidak terhad kepada pelajar yang mengambil pengajian Islam sahaja. Ia sepatutnya boleh dipilih oleh pelajar aliran lain juga dan ditawarkan secara komprehensif dengan nama *al-faraid* atau *fiqh al-mirath*.

RUJUKAN

- Abd Majid, A., & Mt Piah, A.R. (2005, February 26-27). *Keindahan Matematik dalam Penyelesaian Faraid*. Paper presented at the Seminar Matematik & Masyarakat Terengganu, Malaysia.
- Ahmad, M.Y., & Laluddin, H. (2010). Pengurusan Harta Pusaka: Permasalahan sikap masyarakat Islam di Malaysia dan penyelesaiannya menurut Perspektif Islam. *Shariah Law Reports*, 4(October - December), ShL R 30-34.
- Al-Nawawi (2011), Syarah Shahih Muslim, terj. Misbah, Jakarta: Pustaka Azzam
- Buku Panduan Sesi 2018/2019 Program Ijazah Sarjana Muda, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Darimi, Abdullah bin Abdurrahman bin al-Fadl (t.t.), Sunan Al-Darimi, j. 2, Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyah
- Jasni bin Sulong (2011), Pembaharuan Undang-undang Pentadbiran Pusaka Islam, Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Jasni Sulong (2015), Pondok Education in Seberang Perai: Its Evolution and Uniqueness, *Kajian Malaysia*, vol. 33, Supp. 2, 2015, 75-90
- Jasni Sulong (2016), Pengaruh Budaya Melayu dalam Gelagat Pembahagian Harta Pusaka di Malaysia, *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, v. 9, no. 1, p. 94-114.
- Jasni Sulong, Zahari Mahad Musa (2019), *Faraid A - Z*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Shaleh Abdul Aziz (t.t.), *Tashil al-Faraid*, Mesir: Daru al-Kutub
- Mushaddad Hasbullah, Zahari Mahad Musa, & Mohamad Zakaria. (2017). *Pensyariatan Faraid Mengikut Kerangka Fiqh Islam*, Seminar Hibah vs Faraid, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM & Persatuan Guaman Hartanah Malaysia (HARTAGUAM), pada 21 Oktober 2017.
- Panduan Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian 2004/2005, Fakulti Syariah dan Undnag-undang
- Panduan Prasiswazah, Fakulti Pengajian Islam, Sesi Akademik 2019-2020, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Panduan Prasiswazah, Pusat Citra Universiti, Sesi Akademik 2017-2018, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Panduan Siswazah, Fakulti Pengajian Islam, Sesi Akademik 2019-2020, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Program Akademik di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), <http://kiasedu.hex.my/images/7jabatanakademik/5SenaraiSubjekProgramPengajian/SenaraiProgramPengajianDiKIAS.pdf> dilayari 12/5/2020.
- Program Akademik Fakulti Pengajian kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Struktur Penawaran Kursus Mengikut Semester Ijazah Sarjana Muda Sesi 2019/2020, https://fki.unisza.edu.my/index.php?option=com_jdownloads&view=summary&id=174:struktur-penawaran-kursus-ijazah-sarjana-pengajian-islam-sesi-kemasukan-2019-2020&catid=9 dilayari 12/5/2020.
- Program Akademik Fakulti Pengajian kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Struktur Penawaran Kursus Mengikut Semester Program Diploma Sesi 2019/2020, https://fki.unisza.edu.my/index.php?option=com_jdownloads&view=summary&id=174:struktur-penawaran-kursus-diploma-pengajian-islam-sesi-kemasukan-2019-2020&catid=9 dilayari 12/5/2020.
- Safar, A., & Othman, H. A. (2010). *Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Ilmu Faraid*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia Retrieved from http://eprints.utm.my/10937/1/Persepsi_Pelajar_Universiti_Teknologi_Malaysia_Terhadap_Ilmu_Faraid.pdf.
- Zahari Mahad Musa, Mushaddad Hasbullah, Azman Ab Rahman, & Tengku Abidin. (2017). *E-Learning dalam Pengajaran dan Pembelajaran Faraid (E-Learning in Teaching and Learning of Faraid)*. 10.13140/RG.2.2.19779.30244.